

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN

PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA
AMBILAN SESI 1 2025/2026



05-4507047/7048/7038 | 013-4153016



<https://kemasukan.upsi.edu.my/>



kemasukan.bhea@upsi.edu.my



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
UNIVERSITY OF EDUCATION

بہاگن حال اہوال اکادمک
BAHAGIAN HAL EHVAL
AKADEMIK



SENARAI SEMAK

Untuk memudahkan urusan pendaftaran kemasukan saudara/i, sila pastikan bahawa perkara-perkara berikut telah diambil tindakan (tandakan [/] pada ruangan yang disediakan):

1. Menyemak status tawaran saudara/i di pautan <https://undergrad.upsi.edu.my/> ☐
2. Membuat setuju terima/ menolak tawaran. Setuju terima/ menolak tawaran boleh dibuat bermula **17 Jun 2025 (Selasa)** sehingga **25 Jun 2025 (Rabu)**. ☐
3. Memilih sah dan terima Aku Janji Pelajar (Online) ☐
4. Memuat turun serta mencetak Surat Tawaran Kemasukan untuk simpanan dan dibawa pada hari pendaftaran. ☐
- Surat tawaran kemasukan (online) ini adalah surat tawaran asal dan hanya dikeluarkan sekali (1) sahaja. Sila pastikan saudara/i membuat salinan yang secukupnya.
5. Memuat turun dan mencetak dokumen berikut dari laman sesawang kemasukan UPSI untuk panduan dan rujukan sepanjang pengajian di UPSI :
 - Panduan Pengguna MyUPSI Portal ☐
 - Panduan Pembayaran Yuran Pengajian ☐
 - Yuran Pengajian ☐
 - Panduan Memuat Naik Gambar ☐
 - Program UPSI Student Go Global ☐
6. Memuat turun dan melengkapkan borang- borang berikut:
 - Borang Pengesahan Pendapatan (B5) ☐
 - Keperluan-keperluan seperti dalam nota makluman Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ☐
 - Borang Pemeriksaan Kesihatan dan Panduan Melengkapkan Borang Pemeriksaan Kesihatan ☐
7. Membuat bayaran yuran penuh seperti yang tercatat dalam surat tawaran atau bayaran yuran minimum untuk mendaftar sebanyak RM1,500.00. ☐

Bayaran melalui kaedah portal pembayaran *online* ePayment@UPSI atau JomPay boleh dibuat mulai **19 Jun 2025 (Khamis); atau**

Pembayaran di Cawangan Bank Islam di seluruh Malaysia hanya boleh dibuat mulai **20 Jun 2025 (Jumaat)** sehingga **03 Julai 2025 (Khamis)**.
8. Memuat naik satu salinan dokumen yang diperlukan (**rujuk m/s 10**) ke URL ini <https://evault.upsi.edu.my/> sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI. ☐
9. Menyemak dan mencetak Slip Jadual Kuliah bermula **11 Julai 2025 (Jumaat) selepas jam 5.00 petang** di MyUPSI Portal. ☐
10. Memuat naik gambar berukuran paspot ke <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik/kad pelajar mulai **17 Jun 2025 (Selasa)** dan selewat-lewatnya pada **25 Jun 2025 (Rabu)** ☐

PERHATIAN

1. TUKAR PROGRAM

Pengajian Program yang ditawarkan adalah muktamad DAN berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki. Jika ditawarkan program bukan dalam pilihan, ia adalah berdasarkan persetujuan anda untuk menerima apa-apa program selain dalam pilihan semasa permohonan online. Pertukaran program adalah TIDAK DIBENARKAN. Jika anda tidak bersetuju dengan program yang ditawarkan, anda dibolehkan menolak tawaran ini. Penolakan program tidak akan disenaraihitamkan.

2. DAFTAR LEWAT

Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu (Sakit/Kematian)

3. TANGGUH KEMASUKAN

Tidak dibenarkan kecuali kes-kes tertentu seperti kematian.

4. UJIAN DASS21

Sila membuat Ujian Saringan Kesihatan Mental iaitu DASS21 dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti maklumat berikut:

Tarikh Ujian : 25 Jun 2025 hingga 30 Julai 2025

Pautan Ujian DASS21 : <https://pkdass21.upsi.edu.my/Apps/html/menu.html>

5. PELEKAT KENDERAAN

Sila muat turun pelekat kenderaan mengikut sesi anda mendaftar (Sesi mendaftar rujuk surat tawaran online) untuk membolehkan kenderaan anda masuk ke tempat pendaftaran. Sila hadir mengikut sesi yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan (rujuk surat tawaran).

6. MAKLUMAT PENTING

Kesesakan kenderaan ibu bapa/ pelajar baharu di tempat pendaftaran akan berlaku kerana jumlah kemasukan yang ramai. Kawasan parkir kenderaan di kolej kediaman juga amat terhad. Berkongsi kenderaan untuk datang mendaftar amat digalakkan. Kesabaran dan kerjasama daripada pihak tuan/ puan amat dihargai

7. PERMOHONAN PTPTN

Tarikh permohonan PTPTN bagi peringkat pengajian Diploma ialah:

Kelompok 1 - 1 hingga 31 Julai 2025

Kelompok 2 - 1 hingga 31 Ogos 2025

SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN

1. Syarat Penerimaan Masuk Tawaran masuk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Menjelaskan bayaran-bayaran seperti dinyatakan dalam tawaran kemasukan.
- Anda mesti mengesahkan penerimaan tawaran ini dengan segera melalui laman web <https://undergrad.upsi.edu.my/>. Sekiranya Universiti tidak menerima pengesahan daripada anda, anda akan dianggap menolak tawaran dan seterusnya tawaran ini luput dengan sendirinya dan tempat anda akan ditawarkan kepada calon lain. **KAMI TIDAK AKAN MENGHANTAR PERINGATAN SECARA POS.**
- WAJIB menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Universiti berhak mendapatkan pendapat kedua (second opinion) untuk memastikan sama ada anda benar-benar sihat untuk belajar.

2. Tawaran ini terbatal sekiranya :

- Anda adalah seorang Pegawai Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Anda adalah seorang penuntut yang sedang mengikuti pengajian di maktab-maktab perguruan atau institusi-institusi pendidikan tinggi dalam atau luar negara atau sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh atau seumpamanya di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan.
- Anda gagal melaporkan diri, walaupun anda telah mengesahkan penerimaan tawaran ini, kecuali kebenaran untuk mendaftar lewat setelah mendapat keizinan daripada pihak UPSI.

3. UPSI berhak menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa atau menamatkan pengajian anda pada mana-mana peringkat tempoh pengajian apabila didapati kenyataan dan maklumat yang anda berikan adalah tidak benar.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PELAJAR UPSI

1. ETIKA PELAJAR

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki:

- Mematuhi undang-undang negara dan undang-undang Universiti iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah dan Peraturan dan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa;
- Sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta serta kemudahan-kemudahan perkhidmatannya dari dirosakkan oleh sesiapa juga;
- Tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti seperti memulaukan kuliah dan sebagainya atau melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan nama baik Universiti;
- Menghormati para pegawai dan pensyarah Universiti;
- Bekerjasama dengan Pengetua Kolej Kediaman dan patuh kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman sama ada anda penghuni atau tidak;
- Mengambil bahagian dalam semua kegiatan akademik, kebudayaan, sukan serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Universiti untuk anda; dan
- Menjelaskan semua yuran yang dikenakan pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

2. PERATURAN PAKAIAN

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki mematuhi Peraturan Pakaian yang ditetapkan seperti berikut:

2.1 PERATURAN PAKAIAN PELAJAR LELAKI

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas iaitu berseluar panjang dengan baju kemeja lengan panjang dan bertali leher. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang;
- Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas;
- Memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali;
- Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi;
- Memakai kasut kulit dan berstokin.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PELAJAR UPSI

2.2 PERATURAN PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai, seperti berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak mencolok mata. Baju mestilah berlengan panjang atau paras siku dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh dan;
- Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah);
- Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan. Jeans dan kemeja T tidak dibenarkan sama sekali;
- Memakai “make-up”, aksesori dan pewangi secara sederhana;
- Memakai kasut yang menutup jari kaki, lereng kaki dan tumit.

3. PROGRAM YANG DITAWARKAN

Program yang ditawarkan kepada anda adalah muktamad berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki dan anda tidak dibenarkan menukar program pengajian. Anda juga tidak dibenarkan menangguh kemasukan ke UPSI. Menangguh kemasukan akan dianggap menolak tawaran.

4. KULIAH

Kuliah akan bermula pada **14 Julai 2025 (Isnin)** iaitu satu (1) minggu selepas Minggu Intelektual dan Interaksi Anak Kandung Suluh Budiman (MILLENNIA) berlangsung tetapi anda dikehendaki mendaftarkan diri lebih awal seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran. Sila pastikan anda mencetak slip Pendaftaran Kursus & Jadual Kuliah yang akan dipaparkan di MyUPSI Portal masing-masing bermula pada **11 Julai 2025 (Ahad) selepas jam 5.00 petang**

5. KENDERAAN PELAJAR

Saudara/i yang hendak menggunakan motosikal, hanya motosikal yang berkuasa 150cc ke bawah sahaja dibenarkan dan sila mohon kebenaran dan dapatkan sticker kenderaan yang boleh didapati di pejabat kolej kediaman masing-masing. Hanya pelajar semester 6 -8 sahaja yang dibenarkan membawa kereta ke kolej kediaman. Penggunaan kereta sendiri tidak digalakkan kerana masalah kesesakan dalam kampus.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PELAJAR UPSI

1. Panduan Capaian Sistem Maklumat Bersepadu Universiti (SMBU) & Emel Pelajar

- i. SMBU boleh dicapai menerusi gerbang di <http://login.upsi.edu.my/>.
- ii. Senarai aplikasi pelajar adalah seperti berikut:



KATA NAMA : No. Matrik
Contoh : D20232012345

KATA LALUAN :
<Nombor Kad Pengenalan tanpa '-' ATAU nombor passport> bagi login kali pertama
Contoh : 770707077777 atau WR120345

- iii. Pelajar disediakan akaun emel rasmi sepanjang pengajian di UPSI

KATA NAMA : <Id Portal MyUPSI Portal>@siswa.upsi.edu.my
Contoh : E012345@siswa.upsi.edu.my

KATA LALUAN : Kata laluan emel *default* boleh disemak melalui Portal MyUPSI. Sebarang masalah berkaitan emel, boleh dikemukakan melalui emel ke support@siswa.upsi.edu.my

- iv. Sistem Pengurusan Kata laluan

Pelajar boleh mengemaskini dan *reset* kata laluan bagi akaun SMBU masing-masing secara sendiri.

PERSEDIAAN SEBELUM

MELAPOR DIRI

1. Pemeriksaan Kesihatan

Saudara/i WAJIB membuat pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan UPSI. Borang ini WAJIB dihantar pada hari pendaftaran di Kaunter Pusat Kesihatan. **Pusat Kesihatan akan menetapkan tarikh pemeriksaan kesihatan di UPSI dan sila lihat di tarikh jemu janji di MyUPSI Portal masing-masing selepas mendaftar di UPSI.**

2. Bayaran Yuran Pendaftaran

- Pelajar disarankan untuk membuat bayaran penuh yuran sepertimana yang tercatat dalam surat tawaran. Walaubagaimanapun, pelajar dibenarkan untuk membayar yuran minimum sebanyak RM1,500.00 dan bakinya hendaklah dijelaskan sebelum menduduki peperiksaan akhir semester.
- Pembayaran secara online boleh dibuat melalui portal pembayaran ePayment@UPSI atau JomPay. Perincian dan kaedah lain pembayaran yuran adalah seperti pautan <http://bit.ly/upsipay>
- Saudara/i juga boleh membuat bayaran yuran di mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** yang berdekatan dengan mengemukakan **kad pengenalan** dan **surat tawaran kemasukan online**.
- Saudara/i dinasihatkan untuk memohon pinjaman PTPTN atau penajaan lain bagi memastikan tiada masalah pembayaran yuran sepanjang tempoh pengajian.
- Sekiranya saudara/i mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pembayaran yuran, sila hubungi **Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari di talian 05 – 450 7738/7760/7761/ 7733/ 7744/ 7762**
- Jika saudara/i ingin menarik diri dari pengajian. Berikut adalah kadar bayaran balik yuran berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 125 Bil. 5/2019 bertarikh 27 September 2019

TEMPOH/ PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Menolak Tawaran/ Menarik Diri/ Berhenti/ Diberhentikan/ Gugur status/ dan Tidak Mendaftar	Keseluruhan yuran yang dibayar	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo/ Surat Pengesahan atau Surat Kelulusan Menarik Diri/ Berhenti/ Diberhentikan/ Gugur Status oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
Minggu Orientasi (Pelajar baharu)	100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik diri

PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

TEMPOH/ PERKARA	KADAR BAYARAN	CATATAN
Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	● 50% yuran-yuran kecuali:- ➤ Yuran pendaftaran ➤ Pemeriksaan kesihatan ➤ Yuran pengurusan antarabangsa ➤ Yuran Insurans ➤ Yuran-yuran yang memberi Implikasi kewangan kepada universiti	Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri / Berhenti / Diberhentikan / Gugur Status oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah
Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	Tiada bayaran balik	

3. Pembukaan Akaun Bank

Pelajar UPSI adalah WAJIB mempunyai akaun simpanan bank RHB. UPSI akan membukakan akaun simpanan bank RHB bagi pihak pelajar. Pelajar boleh menggunakan akaun bank RHB tersebut untuk permohonan PTPTN /tajaan lain. Pelajar akan menerima makluman pembukaan akaun bank dari RHB melalui SMS dan e-mel. Maklumat nombor akaun bank boleh disemak di portal UniSIS dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran. Pelajar perlu mengaktifkan akaun RHB yang dibukakan, semasa sesi penyerahan kad matrik (kad debit RHB) bagi mengesahkan pemilik akaun bank.

4. Bantuan Kewangan

Saudara/i boleh memohon bantuan kewangan daripada agensi atau pertubuhan lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan-yayasan Negeri, Bank atau Institusi Kewangan, kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya.

Borang Pengesahan pembayaran yuran bagi permohonan mengeluarkan wang melalui Skim Pengeluaran Pendidikan KWSP boleh didapati dengan e-melkan permohonan surat pengesahan KWSP ke ukpk@bendahari.upsi.edu.my. Panduan permohonan boleh dirujuk dipautan ini <http://bit.ly/suratupsi>. Walau bagaimanapun borang bagi pengeluaran wang KWSP hanya boleh didapati di cawangan-cawangan KWSP sahaja. Untuk maklumat lanjut berkenaan pengeluaran KWSP, saudara/i boleh merujuk kepada Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari dan Unit Kewangan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi bantuan kewangan.

PERSEDIAAN SEBELUM

MELAPOR DIRI

5. Persediaan Pakaian dan Keperluan Lain

Saudara/i dikehendaki membawa pakaian dan keperluan berikut:

- Pakaian semasa melapor diri (Rujuk Peraturan-Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014)

Lelaki : berpakaian kemas dengan Baju Kemeja berseluar Slack hitam (baju T, jeans, selipar/ *sandal* tidak dibenarkan)

Perempuan : berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang telah ditetapkan (baju T, jeans, selipar/ *sandal* tidak dibenarkan)

- Pakaian kuliah/tutorial dan urusan rasmi universiti (mengikut Kod Etika Pakaian Universiti)

Lelaki : Pakaian pejabat/ bertali leher

Perempuan : pakaian kemas dan sopan seperti Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupadiri pelajar (2014)

- Pakaian semasa membaca ikrar

Saudara/i WAJIB membawa & memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti semasa membaca ikrar (disediakan sendiri oleh pelajar)

● Pelajar Muslim	
Lelaki	✓ Baju kemeja putih berlengan panjang dan berseluar 'slack' hitam ✓ Tali leher ✓ Stoking hitam ✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)
Perempuan	✓ Baju kurung berwarna putih dan tudung berwarna putih ✓ Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung ✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit

PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

● Pelajar Bukan Muslim	
Lelaki	✓ Baju kemeja putih berlengan panjang dan berseluar 'slack' hitam ✓ Tali leher ✓ Stoking hitam ✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)
Perempuan	✓ Baju kurung berwarna putih ✓ Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung ✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit

6. Gambar

- Memuat naik gambar berukuran paspot ke <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik/kad pelajar. Sila baca manual pengguna (Panduan Muat Naik Gambar) di link <https://umpc.upsi.edu.my/repository/PanduanMuatNaikGambar.pdf>
- Menyediakan gambar berwarna yang terbaru berukuran passport untuk borang-borang seperti di bawah. Semua dokumen yang telah lengkap hendaklah diserahkan seperti arahan berikut:
 - satu (1) keping gambar untuk dilekatkan (digam) pada Borang Kolej Kediaman. Serahkan di Pejabat Am Kolej Kediaman masing-masing atau di Unit Kolej Kediaman, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

7. Sijil dan Salinan Sijil

Sila **UPLOAD SATU SALINAN SAHAJA** sijil-sijil berikut ke dalam URL <https://evault.upsi.edu.my/> selewatnya 7 Julai 2025 (Jumaat)




Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah)

DOKUMEN	TINDAKAN
i. 1 Salinan Kad Pengenalan ii. 1 Salinan Sijil Lahir iii. 1 Salinan SPM iv. 1 Salinan Surat Tawaran v. Borang Pengesahan Pendapatan B5 vi. Salinan Kad OKU (Jika Berkenaan)	Saudara/i dikehendaki : 1. Muat Naik (<i>Upload</i>) kesemua dokumen di sebelah di URL https://evault.upsi.edu.my/ 2. Mohon imbas salinan dokumen berkenaan dalam bentuk PDF sahaja. 3. Sila muat naik (<i>upload</i>) salinan dokumen berkenaan sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI. * Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah) sebelum diimbas dan dimuatnaik ke dalam sistem disediakan.

PANDUAN KE TANJONG MALIM

- Bagi saudara/i yang tiba dengan penerbangan, bolehlah datang ke Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menaiki teksi atau bas dari Lapangan Terbang. Kadar tambang teksi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang adalah dalam anggaran RM140.00 dan ke atas.
- Bagi saudara/i yang datang dari arah utara, selatan dan timur boleh menggunakan sama ada jalan biasa atau Lebuhraya PLUS dan keluar di persimpangan Tol Tanjong Malim. Jarak Kampus dari Tol Tanjong Malim ialah lebih kurang 15 km.
- Bagi saudara/i yang datang dengan keretapi, jarak perjalanan dari stesen keretapi ke kampus hampir lima kilometer (10 km). Sila lihat peta panduan yang disertakan.

LOKASI PENDAFTARAN (DEWAN KOLEJ UNGKU OMAR)



LOKASI PENDAFTARAN (DEWAN KOLEJ UNGKU OMAR)



PERTANYAAN

Sekiranya saudara/i mempunyai kemusykilan mengenai tawaran ini sila hubungi:

Pejabat	Perkara	No.Telefon
Bahagian Hal Ehwal Akademik	- Surat Tawaran - Tarikh Lapor Diri - Jadual Kuliah	05-4507048/7047/7038 05-4507058/7059
Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)	PTPTN	05-4506039 0195719977
	Hal Ehwal Pelajar	05 – 450 7148/ 7146/ 7131/ 7109/ 7026
	Pemeriksaan Kesihatan	05- 4506668/ 6672
Bendahari	-Yuran -Pembayaran Yuran -Pembukaan Akaun Bank -Pengeluaran KWSP	05 – 450 7761 / 7744 / 7733 / 7755/ 7738/ 7762
Pusat ICT	Muat naik Gambar	05-4507029/7295/7060